

24/11/1999

PM lawat Kelantan Isnin

KOTA BHARU, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melawat Kelantan Khamis ini bagi menemui rakyat dan meninjau persiapan Barisan Nasional (BN) negeri menjelang pilihan raya umum, Isnin depan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata Dr Mahathir dijangka tiba jam 12.30 tengah hari dan menghadiri majlis bersama rakyat di Sekolah Menengah Pak Badol, Bachok, jam 2.15 petang.

Pada majlis yang sama, katanya, Perdana Menteri juga akan menemui calon BN dari Parlimen Kubang Kerian, Bachok, Pasir Puteh, Peringat, Kota Bharu dan Pengkalan Chepa.

"Selepas itu, Dr Mahathir akan menemui rakyat dan diperkenalkan kepada calon BN bagi Parlimen Kuala Krai, Machang, Jeli, Tanah Merah dan Rantau Panjang pada jam 4 petang.

"Beliau kemudiannya akan ke Tendong bagi merasmikan peletakan batu asas Jambatan Tendong-Pasir Mas dan menemui rakyat serta calon BN bagi Parlimen Pasir Mas dan Tumpat pada kira-kira jam 5 petang sebelum pulang ke Kuala Lumpur," katanya.

(END)